



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

BMS 2025 PERKASA BUDAYA MENABUNG DEMI AKSES PENDIDIKAN TINGGI

1. Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2025 anjuran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merupakan program *signature* PTPTN dalam membudayakan amalan penabungan dan mempromosikan Simpan SSPN sebagai produk simpanan pilihan utama masyarakat Malaysia. Program ini bermula pada 26 September hingga 2 November 2025 dan tahun 2025 merupakan tahun kelapan penganjurannya sejak tahun 2018. Ini ialah salah satu usaha untuk menyebarkan manfaat Simpan SSPN kepada masyarakat Malaysia bersempena dengan Hari Tabungan Sedunia yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun.
2. PTPTN telah mengadakan Majlis Penutup BMS 2025 pada 1 November 2025, bertempat di Sunway Velocity Mall, Kuala Lumpur yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Turut hadir YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN dan Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN.
3. Bertemakan Pengembaraan (*Adventures*) dan mengekalkan *tagline* "Jom Jadi Superhero Anak Anda". Tema ini amat bertepatan kerana kehidupan dan pendidikan anak-anak adalah sebuah pengembaraan yang penuh cabaran dan penemuan baharu. Simpanan merupakan simbol kasih sayang, tanggungjawab dan harapan agar anak-anak dapat melangkah lebih jauh, lebih berani dan lebih yakin dalam mengejar impian pendidikan mereka. Penganjuran BMS 2025 telah mendapat sambutan yang amat mengalakkan dan pelbagai reaksi positif daripada orang ramai yang hadir sepanjang program ini berlangsung.
4. Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk disertai oleh ibu bapa dan anak-anak antaranya Pertandingan Mewarna, Pertandingan Simpan SSPN Got Talent, Pertandingan Pakaian Beragam, Jenga Family Competition, Memory Challenge, Kotak Misteri, Kuiz Online dan Sembang BMS. Orang ramai juga boleh berkunjung ke kaunter PTPTN turut berpeluang untuk mendapatkan tabung edisi khas BMS dan cenderahati eksklusif yang menarik melalui penabungan dalam Simpan SSPN.
5. YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN berkata, "Saya difahamkan bahawa BMS 2025 yang telah menerima sambutan yang amat menggalakkan di seluruh negara. Sepanjang tempoh pelaksanaan BMS 2025 bermula 26 September hingga 29 Oktober 2025, kutipan deposit Simpan SSPN yang diterima berjumlah RM222.29 juta, iaitu pencapaian 101.04% berbanding sasaran kutipan sebanyak RM220 juta. BMS 2025 akan berakhir pada esok hari. PTPTN kekal optimis jumlah kutipan deposit sempena BMS

2025 akan terus meningkat dan mencatatkan prestasi yang lebih membanggakan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada PTPTN atas kejayaan cemerlang ini. Pencapaian ini amat membanggakan dan jelas membuktikan bahawa BMS 2025 merupakan program berimpak tinggi dalam menggalakkan amalan menabung dalam kalangan masyarakat.”

6. Ketika Majlis Penutup BMS 2025, PTPTN dengan kerjasama Bank Islam turut memperkenalkan Kad Debit-i Bank Islam Visa PTPTN yang membolehkan para pelanggan menikmati pulangan tunai (*cashback*) apabila menggunakan kad tersebut untuk pembelian runcit dan atas talian dalam transaksi domestik serta luar negara. Menariknya, pelanggan yang membuat simpanan dalam Simpan SSPN dan membuat bayaran balik pinjaman PTPTN menggunakan kad ini turut berpeluang menikmati *cashback*. *Cashback* yang diterima boleh dipindahkan ke akaun Simpan SSPN sebagai simpanan atau akaun pinjaman sebagai bayaran balik. Antara kelebihan kad ini, ia boleh diintegrasikan dengan akaun SSPN Prime bagi memudahkan urusan ATM termasuk pindahan. Turut diadakan penyampaian sijil penghargaan kepada rakan strategik BMS 2025 dan penyampaian hadiah pemenang Pertandingan Simpan SSPN Got Talent.

7. Semasa majlis tersebut, PTPTN turut mempersembahkan tayangan muzik video lagu Simpan SSPN “Terbang Tinggi”. Lagu ini telah dilancarkan semasa Majlis Penutup Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) tahun lalu dan kini diperkasakan lagi melalui penghasilan muzik video. Ini melambangkan komitmen PTPTN dalam menyemarakkan amalan menabung dalam kalangan masyarakat Malaysia.

8. Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada masyarakat Malaysia seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 secara percuma bagi satu keluarga yang layak, kadar dividen yang kompetitif, patuh syariah dan simpanan yang dijamin kerajaan. Pelbagai kempen dan promosi turut dipergiat bagi menyemarakkan lagi amalan penabungan antaranya dengan mengadakan Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2025.

9. PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan terus komited untuk meningkatkan kesedaran masyarakat agar terus menabung melalui Simpan SSPN bagi mengelakkan kebergantungan kepada pinjaman. PTPTN yakin dengan sokongan semua pihak, visi PTPTN sebagai peneraju tabung pendidikan tinggi negara dapat direalisasikan. Maklumat lanjut berkenaan Simpan SSPN boleh diperolehi melalui portal rasmi www.ptptn.gov.my atau aplikasi myPTPTN untuk perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat.

Diedarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
1 November 2025

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)